

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK LINDA TSEN THAU LIN  
(BATU SAPI)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 26.11.2014**

**Y.B. DATUK LINDA TSEN THAU LIN [ BATU SAPI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana memulihkan Sistem Penerbangan Malaysia daripada segi kewangan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai sebahagian daripada syarat penyusunan semula dan pembayaran pembiayaan bersekutu, MAS perlu menyediakan satu struktur modal yang mudah

untuk diuruskan dari masa ke semasa. Di mana sesuai dan perlu, MAS akan mengkaji pilihan untuk menyusun semula kewangan dan perundingan termasuk pertukaran hutang-ekuiti dan hutang *term out*. Usaha-usaha ini akan mengurangkan *gearing* bersih (hutang bersih atas dana pemegang saham) daripada 290 peratus pada masa ini kepada sasaran kira-kira 100-125 peratus.